

UMNO lama tak mungkin dapat dipulihkan semula — Mahathir

MM 22 MAY 1988

KUALA LUMPUR 21 Mei — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, UMNO lama tidak mungkin akan dapat dipulihkan semula walaupun berbagai usaha telah dan sedang dijalankan untuk menghidupkannya setelah parti itu diharamkan pada Februari lalu.

Beliau berkata, apabila sesebuah cawangan itu diisytiharkan haram mengikut akta pertubuhan maka tidak ada lagi dalih untuk mengatakan bahawa parti itu haram pada ketika tertentu sahaja.

“Apabila Hakim Datuk Harun Hashim mengisytiharkan UMNO sebagai sebuah parti yang haram, ini bermakna keseluruhan organisasi itu telah haram.

“Jadi walaupun pada keputusan bertulisnya beliau telah membuat beberapa tambahan, kita tetap memilih keputusan pertamanya iaitu UMNO telah diharamkan,” kata beliau kepada para pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO (baru) di sini pagi ini.

Menurut Perdana Menteri, UMNO (baru) perlu membuat satu pendirian yang tegas dalam hal ini.

Kenyataan bertulis hakim, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, memberi gambaran seolah-olah UMNO lama dapat dihidupkan semula sedangkan pada pandangan pucuk pimpinan sekarang ia tidak mungkin berlaku.

“Kita bukanlah sebuah kuasa besar yang mampu mengawal kebebasan akhbar asing malah kita memberi kebebasan yang sewajarnya kepada media tempatan tetapi tak tahulah saya kalau masih ada pembohong-pembohong yang berkeliaran di sana sini memberi laporan yang tidak tepat mengenai Malaysia.

“Apa yang mampu kita lakukan ialah memberi gambaran yang sebenarnya mengenai negara ini.

“Apa yang saya tahu ialah para pelabur masih tetap berminat untuk datang ke negara kita malah ada yang melabur berjuta-juta

ringgit dan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat telah bersetuju untuk melabur sebanyak 2.5 bilion di negara kita, jadi apakah ini membuktikan bahawa kita hidup dalam huru-hara,” tanya Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Kata beliau, di Britain, manusia telah tidak mengambil berat lagi dengan laporan akhbar-akhbar mereka kerana ia mengandungi lebih banyak spekulasi dari kenyataan.

Beliau menyifatkan akhbar-akhbar di negara ini lebih bertanggungjawab terhadap berita mereka jika dibandingkan dengan akhbar asing.

Hasilnya, menurut beliau, terdapat orang-orang Tengku Razaleigh Hamzah yang mula berkempen di sana sini mengatakan UMNO (lama) mungkin akan dapat dihidupkan semula.

Katanya, sebelum hakim membuat tambahan dalam keputusan bertulisnya, tidak timbul langsung isu ini.

“Tidak kurang juga orang yang tidak memahami keputusan undang-undang dengan senangnya telah terpengaruh dengan kempen-kempen ini,” tegas beliau.

Sementara itu, ketika menjawab satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah sebuah negara demokrasi dan bukanlah sebuah negara polis sebagaimana yang telah didakwa oleh beberapa media asing dalam satu laporan khas mereka baru-baru ini mengenai ketegang politik Malaysia.